

13 MAR 1999

Sabah-Abdullah

KEMENANGAN BN HASIL KEYAKINAN RAKYAT PADA FALSAFAH PEMBANGUNAN

KUALA LUMPUR, 14 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam tadi berkata kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya Sabah adalah hasil daripada keyakinan rakyat di negeri itu terhadap falsafah pembangunan dan keamanan yang dibawa oleh BN.

Beliau berkata BN telah berjaya membawa pembangunan dan kemajuan kepada rakyat Sabah selama pemerintahannya sejak lima tahun lepas.

"BN adalah sebuah parti yang utamakan perpaduan, muhibah, kerjasama dan muafakat antara kaum. Dan sebab itu (pengundi Sabah) suka pada BN," katanya ketika mengulas kejayaan BN itu semasa perbualan telefon dari Kota Kinabalu yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam tadi.

Abdullah berkata lawatan serta ceramah-ceramah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah banyak meyakinkan rakyat Sabah akan kesungguhan BN membawa kemajuan dan pembangunan di negeri itu.

Abdullah juga berkata soal sentimen nampaknya masih menarik perhatian masyarakat Kadazandusun pada pilihan raya ini.

Bagaimanapun Abdullah berkata BN telah berjaya mencapai kemenangan di kawasan-kawasan yang mempunyai ramai penduduk Kadazandusun, termasuk Kawang yang selama ini dianggap sebagai kawasan "kelabu".

"Jadi kita lihat juga kawasan-kawasan yang ramai Kadazandusun (tetapi) berjaya tarik perhatian dan dapat sokongan," katanya.

Ketua Perhubungan Umno Negeri Datuk Osu Sukam menang di Kawang dengan majoriti lebih besar 2,213 undi, berbanding hanya 64 undi pada pilinhan raya negeri 1994.

Beliau mengalahkan empat lagi calon di kawasan yang mempunyai lebih 32 peratus pengundi bumiputera bukan Islam.

Abdullah turut melahirkan rasa dukacita dengan kekalahan dua pemimpin masyarakat Kadazandusun -- Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Joseph Kurup.

Abdullah juga berkata rakyat di Sabah kini sudah mula menerima konsep dan falsafah BN dan lebih yakin dengan cara BN yang mewakili semua kaum melalui kerajaan yang ditubuhkan.

Mengenai pembangunan di Sabah, Abdullah berkata ia akan menjadi lebih pesat lagi dengan kejayaan BN itu.

"Kita juga telah jelaskan, kita tidak boleh buat segala-segalanya dalam masa empat tahun tetapi kita ada rancangan untuk masa depan, Rancangan Malaysia Ke-7, Wawasan 2020 yang menumpu kepada kemajuan Sabah dan rakyatnya dan ini meyakinkan mereka juga," katanya.

Beliau berkata BN telah berjaya meyakinkan rakyat di Sabah bahawa ia berkemampuan untuk menjayakan usaha pembangunan negeri itu.

Abdullah berkata BN akan mendapat majoriti dua pertiga apabila ia melantik enam anggota dewan undangan negeri kelak, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan negeri.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam berkata kejayaan kesemua 24 calon Umno dalam pilihan raya itu telah dapat meyakinkan lagi rakyat akan kehadiran Umno di Sabah.

Bagaimanapun BN juga dukacita kerana ada kerusi yang seharusnya dimenangnya tetapi ia kalah, mungkin disebabkan sentimen masih menebal di kawasan-kawasan berkenaan.

Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaakob yang juga Pengarah pilihan raya BN, pula berkata lawatan Dr Mahathir beberapa kali ke Sabah telah menguatkan semangat pekerja BN negeri untuk berusaha bersungguh-sungguh

mencapai kejayaan.

-- BERNAMA

RV APG NMO